

PENGHASILAN GLOSARI SUBJEK PERAKAUNAN KOS DI  
KALANGAN PELAJAR SEMESTER ENAM DIPLOMA  
AKAUNTANSI ; SATU TINJAUAN DI POLITEKNIK SULTAN  
HAJI AHMAD SHAH (POLISAS)

NUR HANI BT ZAMHURI

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN



PERPUSTAKAAN KUI TTHO



3 0000 00071130 3

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS◇

JUDUL : PENGHASILAN GLOSARI SUBJEK PERAKAUNAN KOS DI KALANGAN  
PELAJAR SEMESTER ENAM DIPLOMA AKAUNTANSI : SATU TINJAUAN  
DI POLITEKNIK SULTAN HAJI AHMAD SHAH (POLISAS).

SESI PENGAJIAN : 2003/2004

Saya : NUR HANI BINTI ZAMHURI (780303 - 06 - 5128)  
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan Projek Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :-

1. Projek Sarjana adalah hak milik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
2. Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Projek Sarjana ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. \*\*Sila tandakan (✓)

SULIT


(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI, 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

  
(TANDATANGAN PENULIS)

Disahkan oleh  
  
(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap : A 2964 LORONG TOK SIRA 27,  
MEDAN TOK SIRA,  
25050 KUANTAN,  
PAHANG.

TN. HJ. MOHD YUSOP B AB. HADI  
Nama Penyelia


Tarikh : 6 OKTOBER 2003

Tarikh : 6 OKTOBER 2003

CATATAN :

- \* Potong yang tidak berkenaan
- \*\* Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD
- ◆ Tesis ini dimaksudkan sebagai tesis bagi Izajah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM)

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini  
adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah  
Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional”

Tandatangan :   
Penyelia : Tuan Haji Mohd Yusop Bin Ab. Hadi  
Tarikh : 6 Oktober 2003

PENGHASILAN GLOSARI SUBJEK PERAKAUNAN KOS DI KALANGAN  
PELAJAR SEMESTER ENAM DIPLOMA AKAUNTANSI : SATU TINJAUAN DI  
POLITEKNIK SULTAN HAJI AHMAD SHAH (POLISAS)


NUR HANI BT ZAMHURI

Tesis ini dikemukakan  
sebagai memenuhi syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional  
Fakulti Teknologi Kejuruteraan  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

SEPTEMBER, 2003

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”

Tandatangan :   
Nama Penulis : Nur Hani Binti Zamhuri  
Tarikh : 6 Oktober 2003

**TERISTIMEWA BUAT INSAN-INSAN TERSAYANG**

*Untuk Keluarga Tersayang Ayah Zamhuri bin Talib...Emak  
Junaidah bt Haji Karman...Abang...Izwan Hadi...Adik-adik....  
Sarah dan Zahirah dan... Mohd Ismail bin Mohd Radzi "Berkat  
pengorbanan, doa dan dorongan kalian menyebabkan kejayaan ini.*

*Tidak lupa diucapkan buat-buat teman-teman seperjuangan...*

**'Semoga Berjaya Dalam Hidup dan Diberkati Oleh ALLAH.'**

Ikhlas,  
- Hani 2003 -

## PENGHARGAAN

### “DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH LAGI MAHA PENYAYANG”

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan izin-Nya maka saya telah berjaya menyiapkan projek sarjana ini.

Dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Tn. Hj. Mohd Yusop bin Ab. Hadi selaku penyelia projek ini, Puan Raja Irfah Hilyani bt Raja Abdul Rahman dan Puan Fauziah bt Esmam selaku responden pensyarah Diploma Akauntansi Jabatan Perdagangan di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS) di atas segala sumbangan, kerjasama dan perhatian yang diberikan dan tidak ketinggalan juga kepada pelajar-pelajar Diploma Akauntansi semester 6 bagi sesi 2002/2003 di POLISAS, terima kasih atas segala kerjasama kalian.

Tidak dilupakan juga kepada kaum keluarga ayah, ibu, abang, adik-adik serta rakan-rakan seperjuangan atas segala pengorbanan dan dorongan yang diberikan untuk terus berjaya. Semoga jasa ini hanya Allah yang dapat membalasnya.

Semoga projek sarjana ini akan dapat dijadikan panduan dan dimanfaatkan sebaik mungkin oleh pelajar serta yang memerlukan.

Sekian, terima kasih.

- Nur Hani bt Zamhuri-



## ABSTRAK

Kajian “Penghasilan Glosari Mata Pelajaran Perakaunan Kos “ ini adalah suatu kajian yang bertujuan untuk melihat sejauh mana glosari ini sebagai sumber bahan rujukan untuk membantu pelajar dalam proses pembelajaran. Kajian ini adalah berbentuk tinjauan dan pengkaji menilainya dari aspek kualitatif dan kuantitatif. Kajian ini adalah bertujuan untuk menilai kesesuaian isi kandungan, mesra pengguna dan kebolehlaksanaan yang terdapat dalam glosari. Seramai 62 orang pelajar Diploma Akauntasi semester 6 dan 2 orang pensyarah Diploma Akauntasi yang mengajar mata pelajaran Perakaunan Kos di POLISAS telah dijadikan sampel kajian. Pengumpulan data juga meliputi sesi temubual dengan dua orang responden iaitu pensyarah di POLISAS. Borang soal selidik dan temubual dijadikan sebagai intrumen. Kajian seterusnya dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package For Sosial Science 11.0 for Windows (SPSS)* yang melibatkan skor min dan sisihan piawai. Dapatan kajian menunjukkan bahawa aspek kesesuaian isi kandungan, mesra pengguna dan kebolehlaksanaan berada pada tahap yang tinggi (masing-masing mempunyai skor min iaitu 3.93, 4.10 dan 4.03). Dengan ini, dapat disimpulkan bahawa glosari ini boleh digunakan oleh pelajar dan pensyarah Diploma Akauntasi di POLISAS dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Sebagai cadangan lanjutan, diharapkan agar glosari ini dapat dinilai dari segi keberkesanannya di masa akan datang.

## ABSTRACT

The main purpose of this study is to develop and evaluate the subject of Accountings Glossary Cost as a reference material in the learning process. The study method used by a surveying study through qualitative and quantitative method. The objectives of this study is to evaluate the contents of Accountings Glossary Cost, user friendliness and usability of this glossary. The sample size was taken by 62 student (Semester 6) and two number of lecturers of Diploma Accountancy in POLISAS. The instrument of this study following with a set questionnaire and interview. In the interview session, we are taking the information from the two number of lecturers Diploma Accountancy in POLISAS. The data had been analyzed using SPSS Version 11.0 and presented in mean score. The results shows that contents, user friendliness and the high level usability (the mean score is 3.93, 4.10 and 4.03). Therefore, conclusion in this glossary is greatly useful for learning and teaching process. A number of suggestion and recommendation is included in this glossary study would be evaluated effectiveness in future.

## KANDUNGAN

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
HALAMAN JUDUL	i
HALAMAN PENGAKUAN	ii
HALAMAN DEDIKASI	iii
HALAMAN PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv

## **BAB I**

### **PENGENALAN**

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Masalah	3
1.3	Pernyataan Masalah	8
1.4	Persoalan Kajian	9
1.5	Objektif Kajian	10
1.6	Kepentingan Kajian	10
1.7	Skop Kajian	11
1.8	Kerangka Teori	14

1.9	Definisi Istilah dan Operasional	15
1.9.1	Glosari	15
1.9.2	Perakaunan	15
1.9.3	Perakaunan Kos	16
1.9.4	Penghasilan	16
1.9.5	Pelajar	16
1.9.6	Diploma Akauntansi	17
1.9.7	Kebolehlaksanaan	17
1.9.8	Mesra Pengguna	18
1.9.9	Kesesuaian Isi Kandungan	19

**BAB 2****SOROTAN KAJIAN**

2.1	Pendahuluan	21
2.2	Proses Pembelajaran	21
2.3	Strategi Pembelajaran Yang Berkesan	23
2.4	Kaedah Yang Membantu Menjadikan Proses Pembelajaran Lebih Berkesan	25
2.5	Teknik Kemahiran Belajar	27
2.5.1	Mengesan Balik Maklumat	27
2.5.2	Membuat Rujukan	27
2.5.3	Penggunaan Kamus	28
2.6	Penilaian Kefahaman Konsep dan Penguasaan Kemahiran	29
2.7	Perakaunan Kos	30
2.8	Kepentingan Bahan Rujukan Dalam Pembelajaran	31
2.9	Kepentingan Kamus Sebagai Bahan Rujukan Dalam Pembelajaran	33
2.10	Kepentingan Menghasilkan Bahan Bantuan Belajar Dalam Pembelajaran	35
2.11	Penghasilan Glosari Perakaunan Kos Sebagai Bahan Rujukan Pembelajaran Di POLISAS	37

2.11.1	Kesesuaian Isi Kandungan	40
2.11.2	Mesra Pengguna	41
2.11.3	Kebolehlaksanaan	41

### **BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pendahuluan	43
3.2	Reka Bentuk Kajian	43
3.3	Kajian rintis	46
3.4	Sumber Data	47
3.4.1	Data Primer	47
3.4.2	Data Sekunder	48
3.5	Pensampelan	48
3.6	Intrumen kajian	49
3.6.1	Soal Selidik	50
3.6.2	Temubual	51
3.6.3	Borang Penilaian Senarai Semak	53
3.7	Penghasilan Glosari	53
3.8	Kaedah Penganalisan Data	54
3.8.1	Format Jawapan Item Skala Likert	56
3.9	Batasan Kajian	57
3.10	Tempoh kajian	57
3.11	Andaian	57
3.12	Penutup	58

### **BAB 4 REKA BENTUK PRODUK**

4.1	Pendahuluan	59
4.2	Latar belakang Penghasilan Produk	59
4.3	Reka Bentuk Produk	61
4.3.1	Bentuk dan Ciri-Ciri Produk	61

4.3.2	Kronologi Pembinaan Produk	64
4.3.3	Permasalahan Dalam Membina Produk	65
4.3.4	Bahan, Kos, dan Masa Membina Produk	65
4.3.4.1	Bahan	66
4.3.4.2	Kos	66
4.3.4.3	Masa	66
4.4	Penilaian Produk	67
4.4.1	Pemilihan dan Pembinaan Intrumen Untuk Menilai Produk	67
4.4.2	Pemilihan Sampel Kajian	68
4.4.3	Fokus Penilaian Produk	68
4.5	Cadangan Pembaikan	68
4.6	Penutup	69

## BAB 5

## ANALISIS DATA

5.1	Pendahuluan	70
5.2	Latar Belakang Responden	71
5.2.1	Latar Belakang Responden Temubual	72
5.3	Prosedur Menganalisis Data	73
5.3.1	Soal Selidik	74
5.3.2	Temubual	74
5.4	Dapatan Kajian	75
5.4.1	Persoalan Kajian 1	75
5.4.2	Persoalan Kajian 2	77
5.4.3	Persoalan Kajian 3	80
5.5	Temubual Pensyarah	81
5.5.1	Temubual Dengan Puan Raja Irfah	82



5.5.2	Temubual Dengan Puan Fauziah	83
5.6	Ulasan dan Komen	85
5.7	Penutup	86

## **BAB 6 KESIMPULAN DAN CADANGAN**

6.1	Pendahuluan	88
6.2	Perbincangan dan Kesimpulan	88
6.2.1	Perbincangan dan Kesimpulan Terhadap Kesesuaian Isi Kandungan Untuk Membantu Pelajar dalam Proses Pembelajaran	90
6.2.2	Perbincangan dan Kesimpulan Terhadap Penggunaan Glosari Bersifat Mesra Pengguna	91
6.2.3	Perbincangan dan Kesimpulan Terhadap Penggunaan Glosari Mempunyai Kebolehlaksanaan	93
6.3	Cadangan	95
6.3.1	Produk Digunapakai Untuk Pembelajaran	95
6.3.2	Penambahbaikan Kajian	95
6.3.3	Cadangan Kajian Akan Datang	96
6.4	Rumusan	97

<b>SENARAI RUJUKAN</b>	<b>100</b>
------------------------	------------

## **LAMPIRAN**



## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Penilaian Kebolehpercayaan	47
3.2	Skala Pemeringkatan Likert	51
3.3	Pembahagian Skala Pemeringkatan Kepada 3 Kumpulan	52
3.4	Ukuran Tahap Kecenderungan	56
3.5	Analisis Skala Pemeringkatan Likert	56
5.1	Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Jantina, Bangsa, Umur dan Pengalaman Mengajar	72
5.2	Latar Belakang Temubual Di Kalangan pensyarah Diploma Akauntansi Berkenaan Glosari Perakaunan Kos	73
5.3	Julat Kesesuaian Isi Kandungan, Mesra Pengguna dan Kebolehlaksanaan	74
5.4	Skor Min Kesesuaian Isi Kandungan dalam Glosari	76
5.5	Skor Min Mesra Pengguna Dalam Glosari	78
5.6	Skor Min Kebolehlaksanaan Dalam Glosari	80
5.7	Maklum Balas Daripada Responden	85

## SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Teori	13
3.1	Kerangka Operasi	45
4.1	Kronologi Pembinaan Produk	63

**SENARAI LAMPIRAN**

A	Soal Selidik	107
B	Borang Penilaian Temubual Di Kalangan Pensyarah Diploma Akauntansi	113
C	Hasil Maklum Balas Temubual Pensyarah	119
D	Dapatan Kajian Rintis	127
E	Dapatan Data Pemprosesan	132

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pendahuluan**

Akauntan ialah suatu profesion yang penting dalam bidang kewangan. Ini kerana, akauntan perlu memperkembangkan teknik-teknik perakaunan. Mereka wajar memberi maklumat-maklumat dalaman yang berkaitan kepada majikan dan pengurus yang terlibat dalam pembuatan keputusan. Dalam persaingan globalisasi, dunia perniagaan memerlukan maklumat dalam membangunkan produk, melakukan analisa kebarangkalian, proses kualiti dan menilai pencapaian organisasi. Sebagai contoh, seseorang akauntan itu dapat memberi sumbangan dalam industri, firma perakaunan awam, jabatan kerajaan, pengurusan dan sebagainya.

Permintaan terhadap mereka yang mempunyai kemahiran dalam bidang perakaunan sentiasa wujud. Sebagai contoh, Malaysia memerlukan seramai 60,000 orang akauntan tetapi terdapat 9,000 orang akauntan sahaja pada masa sekarang (Tee Kok Bin, et.al, 2001).

Seseorang akauntan yang baik perlu memahami dengan mendalam tentang perakaunan itu. Tujuan perakaunan adalah untuk meringkaskan maklumat perakaunan tentang kedudukan kewangan perniagaan berkenaan dan membuat



laporan kepada pemilik perniagaan atau pemilik saham. Selain itu membuat analisis dan tafsiran berdasarkan maklumat dan laporan yang disediakan. Oleh itu, wajarlah seseorang akauntan itu mamahami, berpengetahuan dan berkemahiran pada peringkat asas perakaunan (Ahmad Zaidi Bahari, 1998).

Seseorang yang melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian dalam bidang perakaunan ini seharusnya mempelajari perakaunan dengan baik. Oleh yang sedemikian seorang akauntan yang cemerlang dan berkualiti perlu mengetahui terlebih dahulu mengenai ilmu perakaunan bagi melayakkan mereka menjadi seorang akauntan yang profesional. Justeru itu, mereka perlu menguasai perakaunan tersebut di mana ianya merupakan satu sistem yang menyediakan dan menyelenggarakan maklumat kewangan sesebuah organisasi agar maklumat berkenaan dapat diketahui pada masa ianya diperlukan dalam bentuk terkini dan tepat. Maklumat yang terkini dan tepat adalah penting kepada pihak-pihak yang mempunyai kepentingan dan juga yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung dengan organisasi berkenaan. Pihak-pihak tersebut, memperoleh maklumat yang berkaitan dengan keputusan perniagaan hanya melibatkan maklumat semasa dan masa depan, dan tidak lagi memperoleh maklumat yang berkaitan dengan keputusan perniagaan masa lepas. Oleh itu ia sangat wajarlah kepada pelajar jurusan kursus perakaunan untuk memahami terlebih dahulu tentang konsep perakaunan sebelum mempelajari lebih lanjut tentang selok belok perakaunan.

Justeru itu, wajarlah pelajar yang mengambil bidang perakaunan ini didedahkan dengan asas pengetahuan tentang konsep perakaunan iaitu dengan menyediakan bahan rujukan kepada mereka. Salah satu daripada kaedah untuk mendedahkan mereka dengan pengetahuan asas dalam konsep perakaunan ialah dengan menghasilkan glosari. Dengan itu, kajian ini bertujuan penghasilan glosari perakaunan kos untuk dijadikan garis panduan kepada pengetahuan kepada pelajar yang mengikuti kursus Diploma Akauntansi.

## 1.2 Latar Belakang Masalah

Dalam perkembangan dunia pada abad ke 21 ini, didapati seseorang akauntan yang berjaya dan cemerlang ialah seorang akauntan yang mempunyai asas ilmu pengetahuan dalam perakaunan terutamanya terhadap konsep-konsep perakaunan kerana mereka yang akan bertanggungjawab merekod, melapor dan menganalisis semua transaksi (urusniaga) yang terbit daripada aktiviti ekonomi (Tengku Almad Mustaffa, 1999).

Menurut Siegal (1999a), beliau menyatakan sekitar tahun 1995 sehingga tahun 1999, perubahan peranan akauntan dalam sesebuah organisasi berlaku dengan pantas berbanding sekitar tahun 1990 sehingga 1995. Perubahan ini ketara pada tahun 1999 di mana ramai akauntan menjadi jururunding dan penganalisis perniagaan. Oleh itu, seseorang akauntan perlu terlebih dahulu memiliki pengetahuan yang kukuh mengenai konsep asas perakaunan, kemahiran komunikasi, kebolehan memimpin dan sebagainya. Ini amat penting bagi mengelakkan mereka daripada ketinggalan dalam mengharungi dunia globalisasi.

Menurut Atkinson *et.al* (2001), berpendapat bahawa profesion perakaunan perlu dipermodenkan sejajar dengan perubahan persekitaran yang dinamik pada masa kini. Perubahan pesat akibat globalisasi memberi kesan yang besar kepada seorang akauntan. Ia juga merupakan suatu peluang keemasan yang boleh direbut sekiranya dihadapi dengan penuh sedia serta dilengkapi dengan penguasaan ilmu bidang perakaunan yang mantap. Menurutnya, sekiranya para akauntan tidak mengambil langkah-langkah yang pantas dan bertindak balas pada kadar yang sama dengan perubahan tersebut untuk menghadapi perubahan ekonomi dan kewangan, akauntan negara pasti akan ketinggalan jauh. Tindak balas positif mereka pada persekitaran baru ini bukan sahaja mewujudkan kelebihan bersaing malah membolehkan mereka mendominasi dan mendapatkan kedudukan yang istimewa agar mereka dapat menawarkan kelebihan daya saing yang mereka miliki.

Menurut Herbert (2000), akibat globalisasi, negara telah mengamalkan dasar ekonomi terbuka kepada barangan, modal dan perkhidmatan dari negara asing. Dasar itu turut mengubah bidang perakaunan. Akauntan masa kini perlu mengetahui atau memahami apakah kesan sekiranya mereka tidak menguasai ilmu perakaunan. Mereka juga perlu bersiap sedia dengan pelbagai kemahiran sama ada teknikal atau pun kemahiran bukan teknikal.

Era globalisasi memaksa seorang akauntan memiliki lebih banyak pengetahuan dan kemahiran sebagai persediaan menghadapi perubahan yang berlaku kepada mereka bagi meningkatkan lagi daya saing sesebuah organisasi yang kian mencabar. Menurut Siegal (1999b), akauntan kini dilihat sebagai penasihat yang dipercayai dan diperlukan dalam pasukan pengurusan kerana maklumat yang berikan penting dan sangat berguna dalam mengukuhkan kecemerlangan operasi melalui pembentukan dan pelaksanaan strategi-strategi baru. Oleh itu, ini ditekankan lagi bahawa pengetahuan dan penguasaan yang mantap dalam bidang perakaunan perlu bagi menyahut cabaran yang bakal mereka hadapi sekiranya mereka tidak mahu hilang kredibiliti sebagai seorang akauntan profesional. Justeru itu, penguasaan konsep asas perakaunan perlu diberi penekanan kepada pelajar yang mengikuti kursus perakaunan.

Ini disokong oleh Mohd Zohadie (2001), matlamat pertama untuk melahirkan pelajar yang berkualiti, berdaya saing dan berupaya untuk terus maju melalui pembelajaran. Pembelajaran hanya akan berlaku apabila terdapat perubahan dalam pengetahuan, kemahiran dan sikap. Sekiranya salah satunya tidak ada, ini bermakna pemindahan pembelajaran yang menyeluruh belum tercapai. Untuk mencapai matlamat ini, maka proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan akan berpusatkan pelajar dan bahan. Pelajar perlu menjadi insan yang berpontensi untuk terus maju melalui pembelajaran yang berkesan ([http://cabaran %20pendidikan%20abad%2021.html](http://cabaran%20pendidikan%20abad%2021.html)).

Menurut Perry (1988), pelajar belajar erti pembelajaran daripada guru mereka dan bahan yang diperolehi. Oleh itu, ini menunjukkan bahawa usaha untuk mempertingkatkan perlu ditumpukan ke arah aspek strategi dan kaedah belajar.

Justeru itu, proses pembelajaran yang berkesan ia memerlukan sumber bahan pembelajaran bagi membantu merangsang dan mempertingkatkan pemikiran terhadap apa yang dipelajari. Oleh itu, untuk menjadi pelajar berkualiti ia perlu mengukuhkan serta memperkembangkan potensi mereka secara menyeluruh, seimbang dan bersepadu. Dengan itu, proses pembelajaran dan pengajaran yang dilakukan oleh pelajar harus dapat meningkatkan potensi pelajar ke tahap yang maksimum (Ee Ah Meng, 2000).

Menurut Mohd Nasrudin (1992), pelajar akan lebih memahami sesuatu isi pelajaran yang disampaikan jika mereka menggunakan lebih daripada satu bahan pembelajaran yang mengandungi pernyataan, pemerhatian di mana ia dapat menerangkan konsep-konsep dengan tepat dan ini menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih bermakna. Namun begitu, pelajar-pelajar masih menganggap penggunaan buku teks atau modul dalam pembelajaran sudah mencukupi. Sedangkan, pada hakikatnya pelajar-pelajar akan dapat memantapkan penguasaan mereka dalam sesuatu subjek, jika mereka menggunakan bahan dari pelbagai dalam proses pembelajaran.

Proses pembelajaran pelajar seharusnya dapat menimbulkan minat dan keyakinan kepada pelajar-pelajar untuk terus menimba ilmu pengetahuan. Oleh itu sumber bahan pembelajaran perlu diberi perhatian oleh pelajar dalam membantu mereka untuk memperolehi maklumat. Menurut Maizurah (2000), pengajaran berasaskan bahan dapat memotivasikan pelajar dan seterusnya menarik perhatian mereka, sebagai stimulus, inspirasi, membentuk keseronokan dalam belajar, memudahkan pembelajaran, dan menyediakan suasana pembelajaran yang efektif kepada para pelajar.